



International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies
(IJWCPS)
Universiti Sains Malaysia
<https://ejournal.usm.my/ijwcps/>
e-ISSN: 3030-5071
Volume 5 September 2026: 104-127

Submission date: 04.07.2026 Accepted date: 10/06/2026 Published date: 01/09/2026

**Pedagogi Hadith Digital untuk Generasi Muda:
Pendekatan Berteraskan Manhaj Salaf**
*(Digital Hadith Pedagogy for the Younger Generation: An
Approach Based on the Methodology of the Salaf)*

Mohd Azam Abdullah

Roshimah Shamsudin*

Universiti Sains Malaysia

***Corresponding author: roshimah@usm.my**

Abstrak

Transformasi pendidikan dalam era digital membuka ruang baharu untuk penyampaian ilmu hadith secara lebih interaktif dan mudah diakses oleh masyarakat, khususnya golongan remaja. Walau bagaimanapun, keterbukaan media digital turut menimbulkan cabaran berkaitan ketepatan sumber, kefahaman nas dan penyebaran hadith tanpa disiplin ilmiah yang kukuh. Artikel ini membincangkan konsep pedagogi hadith digital berteraskan manhaj salaf sebagai pendekatan integratif dalam pengajaran dan pembelajaran hadith yang menggabungkan penggunaan teknologi digital dengan prinsip utama manhaj salaf. Fokus utama perbincangan tertumpu kepada elemen *tathabbut* dalam penilaian kesahihan riwayat, *fiqh al-nuṣūṣ* dalam memahami teks hadith secara kontekstual dan *al-'amal bi al-hadith* sebagai asas penghayatan ilmu dalam kehidupan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumentasi terhadap karya-karya turath, penulisan kontemporari dan

perkembangan platform pendidikan digital semasa. Hasil kajian menunjukkan bahawa integrasi pedagogi digital yang dipandu oleh manhaj salaf mampu membentuk pendekatan pembelajaran hadith yang lebih autentik dan relevan dengan keperluan generasi muda. Selain meraikan tradisi *talaqqi* dan disiplin ilmu hadith yang muktabar, pendekatan ini berpotensi menarik minat golongan remaja untuk mendekati pengajian hadith secara lebih kreatif dan berorientasikan penghayatan. Artikel ini seterusnya mencadangkan pembangunan ekosistem pendidikan hadith digital yang seimbang antara ketelitian ilmiah dan inovasi teknologi bagi memastikan kelestarian pengajian hadith pada era digital.

Kata kunci: Pedagogi digital, manhaj salaf, konsep *tathabbut*, *fiqh al-nusūs*, integrasi.

Abstract

The digital transformation of education has created new opportunities to disseminate knowledge of hadith through more interactive and accessible approaches, particularly among youth. However, the openness of digital media also raises challenges regarding source authenticity, accurate understanding of religious texts, and the uncontrolled spread of hadith without proper scholarly discipline. This article examines digital hadith pedagogy, grounded in the salaf methodology, as an integrative framework for hadith teaching and learning that combines digital technology with the foundational principles of the salaf manhaj. The discussion focuses on three principal elements: *tathabbut* in verifying the authenticity of narrations, *fiqh al-nusus* in understanding hadith texts in a contextual manner, and *al-‘amal bi al-hadith* as the practical embodiment of knowledge in daily life. This study adopts a qualitative approach, using documentary analysis of classical turath literature, contemporary scholarly writings, and current developments in digital educational platforms. The findings demonstrate that integrating digital pedagogy guided by the salaf methodology can foster a more authentic and relevant approach to hadith learning, better aligned with the needs of contemporary youth. Beyond preserving the tradition of *talaqqi* and the authoritative discipline of hadith studies, this approach has significant potential to encourage greater youth engagement with hadith in a more creative, practice-oriented manner. The article further proposes developing a balanced digital hadith education

ecosystem that harmonizes scholarly rigor with technological innovation to ensure the sustainability and relevance of hadith studies in the digital age.

Keywords: Digital pedagogy, salaf methodology, concept of *tathabbut*, *fiqh al-nuṣūṣ*, integration.

Pengenalan

Perubahan landskap pendidikan Islam dalam era digital telah membawa transformasi yang ketara terhadap cara generasi muda berinteraksi dengan ilmu pengetahuan, khususnya dalam pengajian hadith. Secara tradisinya, pendidikan hadith dalam tradisi salaf berasaskan halaqah dan talaqqi, iaitu proses pembelajaran yang berlaku secara langsung daripada para ulama yang berkelayakan melalui rangkaian periwayatan yang tersusun dan sahih. Halaqah merujuk kepada sistem pengajian yang mempunyai lima ciri, iaitu tenaga pengajar mempunyai sanad yang bersambung kepada silsilah para ulama terdahulu, dilaksanakan secara talaqqi, iaitu menghadap guru yang mengajar dengan penuh adab dan tertib, penggunaan kitab-kitab turath (klasik) karya para ulama muktabar, suasana pengajian yang penuh keikhlasan dan penghormatan kepada guru dan terakhir dipraktikkan pembacaan kitab dari awal hingga selesai dengan bimbingan guru yang mengajar (Sakinah Saptu, et al., 2015). Talaqqi pula merupakan kaedah meriwayatkan hadith dan mengambilnya daripada seorang guru atau lebih. Ia juga dikenali sebagai taḥammul (Al-Ghawri, 2012). Orientasi metodologi ini mencerminkan penekanan pendekatan salaf terhadap ketulenan fakta, konsep al-tathabbut dan pemindahan ilmu secara langsung sebagai asas utama ilmu agama.

Namun demikian, dalam persekitaran digital semasa, kaedah pengajaran konvensional ini semakin berhadapan dengan cabaran dalam menarik minat generasi yang lebih cenderung kepada platform pembelajaran yang interaktif, visual, dan berasaskan teknologi (Naismith et al., 2004). Walaupun prinsip-prinsip salaf kekal sebagai asas yang tidak boleh dikompromikan dalam memelihara integriti pemindahan hadith, kaedah penyampaian memerlukan penyesuaian dengan konteks dan situasi semasa agar terus relevan secara pedagogi. Oleh itu, kepelbagaian pendekatan pengajaran melalui medium digital menjadi suatu keperluan, dengan syarat

inovasi tersebut tetap berpaksikan prinsip metodologi tradisi salaf, agar kemajuan teknologi dapat meningkatkan tahap capaian tanpa menjejaskan ketulenan ilmu atau maklumat, autoriti keilmuan, dan integriti teks (Ab. Halim & Siti Muhibbah, 2015)

Sehubungan dengan itu, pedagogi hadith digital berteraskan salaf boleh digandingkan sebagai satu kerangka integratif yang mengharmonikan prinsip metodologi tradisional dengan teknologi pendidikan kontemporari. Kerangka ini tidak bertujuan menggantikan kaedah pengajian hadith secara klasik, tetapi untuk memperluas jangkauan pedagoginya secara terkawal dan berprinsip. Prinsip-prinsip teras seperti al-tathabbut (pengesahan kesahihan), fahm al-nuṣūṣ (kefahaman teks) (Mohd Asri Zainul Abidin, 2005), al-‘amal bi al-hadith (pengamalan hadith), al-i‘tidāl (kesederhanaan), dan tazkiyah al-nafs (penyucian jiwa) yang ditegaskan dalam ilmu hadith berfungsi sebagai asas utama yang membimbing pendekatan ini (Al-Qudāh, 2016).

Apabila diintegrasikan dengan alat pedagogi digital, prinsip-prinsip tersebut dapat diaplikasikan secara lebih bermakna. Sebagai contoh, latihan interaktif berasaskan pengesahan dapat membentuk kemahiran autentikasi selaras dengan al-tathabbut, manakala kandungan multimedia yang disertakan dengan penjelasan ilmiah dapat menyokong kefahaman kontekstual berdasarkan fahm al-nusus. Tugas reflektif digital pula boleh memperkukuh prinsip al-‘amal bi al-hadith, iaitu mendorong pelajar menterjemahkan ilmu kepada amalan. Selain itu, nilai al-i‘tidāl (kesederhanaan) dapat dicapai melalui kawalan dan penyaringan kandungan yang dapat mengelakkan tafsiran yang bersifat sensasi serta interpretasi (andaian), manakala jurnal refleksi digital dapat menyuburkan pembangunan rohani dan etika yang merupakan elemen tazkiyah al-nafs (penyucian jiwa).

Sehubungan itu, integrasi ini melahirkan satu model yang secara konsepnya menghubungkan epistemologi salaf dengan strategi pembelajaran digital kontemporari (Mohd Muhiden Abd Rahman & Zainab Asbullah, 2012). Gabungan kedua-dua elemen ini memastikan bahawa inovasi digital berfungsi sebagai peluasan metodologi, bukan pengganti kepada tradisi periwayatan dan pengajaran hadith yang telah

lama terbukti berjaya melahirkan tokoh-tokoh ulung dalam perkembangan ilmu hadith (Fauzi Deraman, 2004).

Hakikatnya, pendekatan ini meletakkan pedagogi digital bukan sekadar penambahbaikan teknikal, tetapi sebagai mekanisme untuk memelihara dan menyuburkan integriti ilmu hadith dalam landskap pendidikan yang sentiasa berubah. Ia sekali gus menyumbang kepada wacana epistemologi yang lebih seimbang, selain mengekalkan kesepaduan antara tradisi dan tuntutan semasa dalam pengajaran hadith bagi generasi muda.

Berdasarkan perbincangan di atas, kajian ini mengagaskan sekurang-kurangnya tiga aspek utama dalam pendekatan salaf, iaitu prinsip al-tathabbut, fiqh al-nuṣūṣ dan al-‘amal (boleh juga disebut al-taṭbīq) bagi mengimbangi pendekatan pedagogi berasaskan digital yang sesuai dengan golongan remaja. Namun, di sebalik gagasan utama ini, permasalahan yang melatarbelakangi kajian ini perlu dibahas terlebih dahulu.

Jurang antara Inovasi Teknologi Digital dan Kerangka Disiplin Ilmu Hadith

Perkembangan pesat teknologi digital telah memperluas akses kepada ilmu hadith melalui pelbagai platform seperti media sosial, aplikasi mudah alih dan pembelajaran dalam talian. Namun, kebanyakan pendekatan ini lebih menumpukan kepada aspek kebolehcapaian dan kecekapan penyampaian tanpa memberi penekanan yang mencukupi terhadap kerangka epistemologi yang mendasari ilmu hadith itu sendiri. Kelemahan dalam aspek disiplin ilmu berhubung dengan isu penyebaran hadith-hadith yang palsu melalui media sosial. Perkara ini telah diketengahkan dalam beberapa artikel ilmiah. Permasalahan ini timbul apabila wujudnya banyak video berkaitan hadith palsu yang berleluasan di aplikasi Tiktok. Tambahan pula, isu ini menjadi penting kerana kebanyakan masyarakat awam kurang mengetahui tentang ilmu hadith kerana kurang didedahkan kepada nilai pengajaran dan pembelajaran hadith (Nur Syazwani Mohd Fadzilla et al., 2023).

Antara punca berlakunya penyebaran hadith palsu dan daif ialah pengabaian soal meneliti dan menyemak kesahihan sesuatu hadith yang dikongsikan. Ketiadaan saringan yang berkesan dalam media sosial

membolehkan sebarang kandungan, termasuk hadith palsu, tersebar tanpa penyemakan yang sewajarnya. Ketika media sosial mutakhir ini menjadi medium penting sebaran maklumat, kebanyakan masyarakat lebih cenderung mendapatkan informasi sekali gus mudah untuk menyebarkannya. Implikasinya masyarakat tidak mengambil cakna berkaitan status sesuatu hadith sehingga amalan-amalan yang tiada sandaran daripada Rasulullah SAW semakin berleluasa (Khadijah Abdul Jamil et al., 2024). Walaupun usaha takhrij dan analisis secara kritis kian banyak dilakukan oleh para pelajar pada peringkat pengajian tertinggi mahupun para ulama hadith yang berkeahlian, namun penyebaran hadith Rasulullah SAW yang mempunyai ciri-ciri kepalsuan yang jelas juga kian meningkat (Mohd Shukri Mohd Senin, 2020).

Sehubungan itu, dalam kajian yang bertajuk “Hadis Palsu, Pemalsuan dan Pencegahannya di Era Digital”, antara fokus yang dibincangkan adalah mengenai solusi bagi isu penyebaran hadith palsu dalam media sosial. Antara cadangan yang diberikan untuk menghindari penyebaran hadith palsu adalah meneliti sanad hadith, mengukuhkan hadith melalui jalur riwayat yang lain, meneliti rawi hadith untuk menetapkan status kejujurannya (thiqah), lebih selektif terhadap hadith-hadith yang tersebar di media sosial dan memperdalam pengetahuan tentang hadith (Ahmad Farih Dzakiy et al., 2022). Kesemua cadangan ini dapat dirangkum dalam aspek al-tathabbut yang perlu ditekankan dalam integrasi antara pedagogi digital dan disiplin ilmu hadith.

Pada asasnya, ketiadaan integrasi antara teknologi dan prinsip epistemologi yang diwarisi daripada generasi salaf ini menimbulkan risiko penyebaran maklumat hadith yang tidak sahih, salah faham terhadap teks, serta penghakisan disiplin ilmu hadith. Oleh itu, wujud satu jurang kritikal antara kemajuan teknologi dan keperluan untuk mengekalkan keaslian metodologi tradisional yang perlu ditangani secara sistematik dalam kajian ini. Justeru, integrasi antara ilmu semasa, iaitu kemahiran penggunaan media massa dan ketelitan manhaj salaf adalah sangat penting.

Kelemahan Integrasi Prinsip Metodologi Salaf dalam Pedagogi Digital

Walaupun terdapat kajian yang membincangkan penggunaan teknologi dalam pengajaran hadith, kebanyakannya tidak mengintegrasikan secara mendalam prinsip-prinsip metodologi berasaskan kaedah salaf al-salih seperti al-tathabbut, fahm al-nuṣūṣ, dan al-‘amal bi al-hadith. Pendekatan semasa cenderung bersifat teknikal dan berorientasikan pelajar, tetapi kurang menekankan pembinaan kefahaman yang sahih serta pembangunan sahsiah mengikut tradisi ulama. Kaedah yang ditonjolkan lebih memfokuskan kepada pencapaian dalam bentuk material dan keduniaan sehingga mengabaikan aspek yang sangat penting, iaitu pengisian jiwa yang hanya dapat dicapai melalui pemahaman dan adab (disiplin) dalam menuntut ilmu (Evi Luthfi Nurulhayati et al., 2025).

Keadaan ini boleh menyebabkan pembelajaran hadith menjadi bersifat dangkal, di mana pelajar hanya memahami teks secara literal tanpa konteks, atau gagal mengaitkan ilmu dengan amalan. Lebih membimbangkan, dalam membahaskan isu-isu sensitif seperti hadith fitan, kelemahan aspek fahm al-nuṣūṣ, iaitu gagal memahami matan hadith secara tepat boleh membawa kepada tafsiran yang ekstrem dan kontroversi. Keadaan ini sebenarnya telah lama berlaku melibatkan penceramah yang menyampaikan kuliah di masjid-masjid dan kuliah atau ceramah mereka telah dirakam dan disiarkan melalui saluran YouTube. Antara yang pernah didedahkan ialah tindakan sebilangan penceramah yang menghuraikan hadith-hadith fitan (tentang peristiwa akhir zaman) secara berlebihan tanpa sumber rujukan yang berautoriti. Terdapat sebahagian mereka yang menjelaskan maksud hadith tentang peristiwa akhir zaman hanya berdasarkan imiginasi (takwilan) peribadi masing-masing selain mengutip rujukan daripada sumber yang salah. Lebih dahsyat lagi, perbuatan mentakwil hadith-hadith fitan berasaskan teori konspirasi ini turut dilakukan oleh orang awam yang tidak mempunyai latar belakang pengajian Islam (Faisal Ahmad Shah, 2023).

Selain itu, fenomena penyimpangan dalam menjelaskan maksud hadith juga dapat disaksikan melalui keghairahan sebahagian pencipta kandungan di media sosial yang sering mengulas hadith. Sebilangan pempengaruh dan pencipta kandungan di media sosial telah menghuraikan hadith secara

tidak tepat dan tidak mengikuti disiplin ilmu hadith. Sebagai contoh, terdapat satu perkongsian di laman TikTok oleh seorang wanita yang menerangkan tentang penyakit 'ain dan cara mengubatnya. Dalam video tersebut, cara beliau mengulas hadith dalam Sahih Muslim berkenaan penyakit 'ain adalah tidak tepat dan kefahamannya mengenai punca penyakit 'ain juga tersasar. Secara ringkasnya, kesalahan pencipta kandungan TikTok tersebut sebenarnya melibatkan soal akidah, iaitu menganggap seolah-olah penyakit 'ain mengatasi takdir (ketentuan) Allah. Hakikatnya kefahaman yang sebenar mengenai hadith yang matannya menyebut "Sekiranya ada sesuatu yang dapat mendahului takdir, nescaya 'ain (pandangan mata yang membawa kesan buruk) akan mendahuluinya" adalah merujuk kepada ungkapan hadith dalam bentuk mubalaghah (penegasan yang kuat) bagi menetapkan hakikat kewujudan dan kesan 'ain, bukan bermaksud ada sesuatu yang benar-benar dapat menolak atau mendahului takdir (Al-Maqrizi, 1999).

Di samping itu, kesilapannya juga adalah memahami bahawa penyakit 'ain boleh berlaku hanya dengan semata-mata pujian sedangkan ia merujuk kepada penyakit hasad di sebalik pujian ataupun cercaan. Walaupun kesilapan tersebut telah diperbetulkan oleh pempengaruh yang lain, tidak semua pengguna media sosial menonton video yang dimuat naik oleh pihak yang membuat pembetulan tersebut. Tindakan pempengaruh yang mengulas dan memperbetulkan kesilapan pempengaruh yang lain merupakan budaya yang baik. Kedua-dua video tersebut, iaitu pencipta kandungan dan pempengaruh, dapat diakses melalui pautan <https://youtu.be/JkdFWKOXkEQ?si=cc3RLYGnqLjzQczF>. Fenomena huraian yang salah juga kerap berlaku kepada sebahagian penceramah yang terkenal dan menjadi rujukan masyarakat awam. Video ceramah mereka sering dikongsikan dalam pelbagai platform media, termasuklah potongan youtube, Instagram dan TikTok. Salah satu contoh kesilapan yang dilakukan oleh mereka adalah bermudah-mudah dalam takwilan yang dibuat terhadap sebahagian hadith fitan. Umpamanya, wujud sebahagian penceramah yang mendakwa hadith tentang Bani Tamim merujuk kepada singkatan daripada Tanah Melayu, iaitu huruf "ta" dan "mim". Tindakan ini sangat menyedihkan kerana sangat jauh tersasar. Video ini boleh diakses melalui pautan https://youtu.be/nliZd_GuKCY?si=sDEgOg6r34EOWdmV. Dalam video ini, Mufti Negeri Perlis telah menegur perbuatan menafsirkan maksud

sesuatu hadith secara tidak tepat dan menekankan kepentingan untuk menyemak status hadith.

Selanjutnya, penyebaran ilmu Islam termasuk mesej al-Quran, hadith dan tafsir melalui platform TikTok menghadapi pelbagai cabaran yang perlu diatasi oleh pengengaruh. Salah satu cabaran utama ialah risiko penyebaran maklumat yang salah. Melalui kemudahan yang membolehkan sesiapa sahaja untuk mencipta kandungan dan berkongsi pandangan, terdapat kemungkinan bahawa maklumat yang tidak tepat atau tidak sahih mudah tersebar dengan cepat sehingga menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengguna, terutamanya generasi muda yang mungkin tidak mempunyai latar belakang yang kuat dalam ilmu agama (Siti Nuroni Mohamed et al., 2025). Semua contoh yang dikemukakan ini menunjukkan kelemahan integrasi pendekatan salaf dalam pedagogi digital. Justeru, kajian ini berhasrat menangani kelemahan ini dengan merangka satu pendekatan pedagogi digital yang benar-benar berteraskan metodologi salaf.

Kekurangan Kerangka Konseptual dan Peranan Pendidik Sebagai Penjaga Nilai Ilmu

Satu lagi isu persoalan penting yang menuntut integrasi pedagogi digital dan manhaj salaf ialah ketiadaan kerangka konseptual yang komprehensif yang menghubungkan antara disiplin ilmu hadith dengan teori pembelajaran digital moden. Kebanyakan model sedia ada melihat teknologi sebagai alat yang netral, tanpa menilai kesannya terhadap autoriti ilmu, kesahihan sumber, dan disiplin dalam pentafsiran. Secara realitinya, perkembangan teknologi maklumat telah mengubah landskap pengajaran hadith kepada bentuk yang lebih fleksibel dan bersifat maya. Dari satu sudut, situasi ini adalah sesuatu yang sangat baik kerana mengikut arus kehidupan semasa. Namun konsep integrasi dua elemen ini, iaitu pedagogi digital dan disiplin ilmu hadith boleh diketengahkan dengan syarat mengekalkan prinsip pengajaran ilmu hadith dengan mengadaptasi teori pengajaran dan pembelajaran moden (Suriani Sudi et al., 2022). Hasil daripada gabungan ini akan memanfaatkan penggunaan teknologi secara terkawal dan meneruskan kelangsungan pembelajaran hadith yang menekankan aspek adab dan amalan.

Pembelajaran hadith kini boleh diakses melalui kursus dalam talian, aplikasi mudah alih, serta pelbagai platform media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Telegram, dan Instagram. Platform-platform ini membolehkan penyebaran maklumat berlaku dengan pantas tanpa batasan geografi dan masa. Di samping itu, hadith kini dipersembahkan dalam pelbagai bentuk digital seperti teks, video, imej, dan infografik, menjadikan akses kepada ilmu hadith lebih mudah dan meluas. Transformasi digital ini membuka ruang baharu kepada generasi muda untuk mendekati dan berinteraksi dengan pengajian hadith secara lebih dinamik (Mohd Khairulnazrin Muhammad Nasir et al., 2021).

Dalam hal ini, peranan pendidik sebagai “penjaga nilai ilmu hadith” dalam persekitaran digital kelihatan kurang diberi perhatian. Dalam tradisi salaf, guru memainkan peranan penting dalam memastikan kesahihan ilmu, membimbing kefahaman pelajar, dan mengawal penyebaran maklumat. Namun dalam dunia digital, autoriti ini semakin kabur apabila pelajar cenderung mengakses maklumat secara langsung tanpa bimbingan. Interaksi dengan maklumat daripada laman web dan sebagainya tanpa merujuk kepada guru sebagai pembimbing secara tidak sedar boleh menyebabkan berlaku pelbagai isu termasuklah salah kongsi maklumat selain terjadi kesilapan dalam memahami sesuatu ilmu khususnya status dan syarah sesuatu hadith bagi generasi muda (Dorothy Dewitt, et al., 2013).

Lantaran itu, peranan guru sangat penting dalam membimbing murid menggunakan media digital dengan selamat dan beretika. Melalui pendekatan guru yang cakna terhadap penggunaan teknologi terkini oleh pelajar akan dapat membantu mengurangkan risiko seperti buli siber dan ketagihan gajet selain mendapat kerjasama dengan ibu bapa dalam pemantauan penggunaan media sosial murid. Guru juga perlu memberi bimbingan apabila terdapat tingkah laku digital yang tidak sesuai agar murid memahami kesan perbuatan mereka di alam maya (Rahmah, 2020).

Selain itu, guru juga menjadi contoh dalam penggunaan media sosial. Dalam perkara ini, teladan guru penting dalam membentuk sahsiah digital pelajar. Oleh itu, guru perlu menunjukkan penggunaan media sosial yang beretika seperti berkongsi kandungan bermanfaat, berkomunikasi dengan sopan, dan mengelakkan penyebaran maklumat yang tidak sahih (Suyanto,

2021). Berkenaan dengan ilmu hadith, para pengajar atau guru seharusnya berperanan sebagai duta penjaga ketulenan hadith-hadith Rasulullah SAW. Sehubungan itu, guru yang mengajar ilmu hadith perlu memastikan penggunaan pedagogi digital tidak mengabaikan aspek semakan hadith sebelum dikongsikan agar para pelajar dibiasakan dengan disiplin ini.

Dalam hal ini, strategi guru dalam menerapkan etika digital kepada pelajar boleh dilaksanakan melalui tiga pendekatan utama, iaitu pendidikan, pujukan, dan teladan secara langsung. Pendekatan pendidikan dilakukan dengan mengintegrasikan elemen etika digital dalam pengajaran, contohnya, ketika mengajar cara mencari sumber ilmiah yang sahih dan boleh dipercayai. Pendekatan pujukan pula dilaksanakan melalui perbincangan interaktif tentang kesan negatif tingkah laku digital yang tidak bertanggungjawab. Manakala pendekatan teladan secara langsung dapat dilihat melalui sikap guru yang menunjukkan kesopanan, disiplin dan empati ketika berinteraksi dalam talian (Tahir Rohili, 2025).

Ketiadaan garis panduan yang jelas mengenai peranan pendidik dalam pedagogi hadith digital boleh menjejaskan integriti proses pembelajaran. Oleh itu, kajian ini perlu bagi membangunkan satu kerangka yang bukan sahaja mengintegrasikan teknologi dan metodologi salaf, tetapi juga memperkukuh peranan pendidik dalam memastikan keaslian ilmu hadith terus terpelihara. Melalui kajian ini, satu modul yang sesuai dicadangkan untuk menyediakan panduan bagi menghubungkan tuntutan pedagogi moden dengan disiplin ilmu yang diasaskan oleh para salaf.

Keistimewaan Pendekatan Salaf dalam Penyebaran Hadith

Seperkara yang penting dalam membincangkan pendekatan salaf al-salih ialah menghimpunkan setiap satu tindakan mereka sebagai modul atau panduan untuk memandu kehidupan umat. Dalam hal ini, beberapa aspek utama yang dicerakinkan daripada manhaj salaf boleh dijadikan asas dalam berinteraksi dengan pendekatan pengajaran hadith semasa. Gabungan pedagogi hadith digital dengan manhaj salaf al-salih sepatutnya diangkat sebagai modul pengajaran hadith baharu. Antara aspek penting dalam pendekatan salaf terhadap pengajaran hadith ialah menekankan al-tathabbut, fahm al-nuṣūṣ dan al-‘amal bi al-hadīth. Ketiga-tiga aspek ini merupakan antara kriteria utama yang menjadikan salaf sebagai generasi

terbaik dalam memelihara hadith-hadith Rasulullah SAW. Dalam tulisan ini, ketiga aspek tersebut dijelaskan secara ringkas untuk menunjukkan keistimewaan generasi salaf.

Pertama, aspek al-tathabbut atau mengenal pasti kesahihan hadith. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, generasi salaf sangat mengambil berat tentang kesabitan sesuatu riwayat sama ada ia benar-benar bersumberkan daripada Rasulullah SAW atau bukan. Dalam hal ini, peranan golongan ahl al-hadith (tokoh-tokoh ilmu hadith) sangat penting dan mereka telah memperkenalkan satu sistem pembuktian hadith yang sangat efektif, iaitu sanad. Secara ringkasnya, sanad didefinisikan sebagai rantai perawi yang menghubungkannya kepada matan, iaitu teks hadith. (Al-Tahhan, 1996). Fungsi sanad adalah memindahkan sesuatu hadith daripada seorang perawi kepada perawi yang lain sehingga sampai kepada perawi pertama yang menyebutkannya (Al-‘Ajjaj, 1989). Berdasarkan penulisan para sarjana yang mengkaji tentang sanad dalam periwayatan hadith, dapat disimpulkan bahawa elemen ittiṣāliyah (kebersambungan) dan hubungan yang berlaku antara seorang perawi dengan perawi yang menyampaikan hadith kepadanya, membuktikan kesahihan dan kebolehpercayaan sesuatu riwayat sekaligus menjadikannya berautoriti dalam penulisan dan penyebaran sumber agama Islam (Abu Ghuddah, 1992). Selain itu, ilmu al-jarḥ wa al-ta’dīl (kritikan dan pujian terhadap perawi), yang merupakan pelengkap kepada sistem sanad, juga menjadi asas penerimaan dan penolakan sesebuah hadith. Melalui ilmu ini, sanad sesuatu hadith dinilai berdasarkan biografi para perawi sama ada periwayatannya boleh diterima atau sebaliknya. Natijah daripada ilmu ini adalah untuk mengetahui hadith Nabi SAW dari sudut sahih atau daif, diterima atau ditolak, serta termasuk athar para sahabat dan khabar para tabiin (Al-Ghawri, 2014).

Dalam tradisi salaf, pemindahan ilmu hadith sangat bergantung pada prinsip seperti kesahihan sanad, ketelitian dalam pengesahan matan (teks hadith), dan autoriti ulama yang memuatkan sesuatu hadith dalam kitabnya. Semua ciri ini termasuk dalam kaedah al-tathabbut. Keprihatinan ulama salaf adalah seperti yang diungkapkan oleh Muhammad Ibn Sirin, iaitu seperti yang berikut:

لم يكونوا يسألون عن الإسناد، فلما وقعت الفتنة قالوا: سموا لنا رجالكم، فينظر إلى أهل السنة فيؤخذ حديثهم، وينظر إلى أهل البدع فلا يؤخذ حديثهم

“Mereka (para ulama terdahulu) pada mulanya tidak bertanya tentang sanad (rantai perawi). Namun apabila berlaku fitnah, mereka berkata: “Sebutkan kepada kami para perawi kamu (orang yang kamu riwayatkan daripada mereka)” Maka akan dilihat kepada ahl al-sunnah (golongan para ahli hadith), lalu diambil hadith mereka, dan akan dilihat kepada ahl al-bida‘ (golongan ahli bidaah), maka tidak diambil hadith mereka.” (Muslim, 1955)

Berdasarkan kenyataan Ibn Sirin rhm ini, diketahui bahawa generasi salaf al-salih sangat menekankan aspek keaslian riwayat yang disampaikan. Perkara ini merupakan kunci utama yang memelihara keaslian agama ini. Tanpa sanad dan ilmu mengenai ketepatan riwayat sesuatu hadith (termasuk ilmu *al-jarh wa al-ta‘dīl*), pasti akan muncul dan tersebar hadith-hadith palsu yang kesannya boleh merosakkan keaslian dan ketulenan sumber agama ini. Berkenaan hal ini, Ibn Abi Uwais rhm meriwayatkan bahawa Imam Malik rhm menyatakan :

إِنَّ هَذَا الْعِلْمَ دِينٌ، فَانْظُرُوا عَمَّنْ تَأْخُذُونَ دِينَكُمْ

“Sesungguhnya ilmu ini adalah agama, maka lihatlah daripada siapa kamu mengambil agama kalian” (Malik, 2004)

Justeru, pendekatan al-tathabbut (pengesahan terhadap kesahihan) bagi hadith-hadith yang diajar atau dikongsikan di platform digital amat penting dan mesti diaplikasikan sepenuhnya.

Seterusnya aspek kedua yang menjadi keistimewaan generasi salaf ialah fahm al-nuṣūṣ atau memahami teks hadith dengan betul. Istilah lain yang boleh digunakan bagi menjelaskan aspek ini ialah fiqh al-ḥadīth, iaitu menguasai maksud sesuatu hadith disampaikan. Menurut al-Ṭibī rhm, fiqh al-ḥadīth merujuk kepada kandungan matan hadith yang merangkumi hukum-hakam serta nilai-nilai adab yang diistinbat daripadanya, manakala al-Nawawī rhm pula menyatakan bahawa memahami hadith menuntut supaya menyelidiki makna-makna bagi matan (teks hadith) dan menilai pada sanadnya (Nurah Muhammad Zawai, 2016). Dalam perkara ini, pernyataan al-Nawawī rhm ini bertepatan dengan kenyataan sebelumnya oleh tokoh generasi salaf, iaitu ‘Ali bin al-Madīnī rhm yang menyebutkan satu kaedah yang sangat baik, iaitu menguasai (memahami) makna-makna

hadith merupakan sebahagian ilmu, manakala mengenali para perawi hadith pula sebahagian ilmu lagi (Al-Ghawrī, 2012). Penekanan generasi salaf al-salih dalam memahami matan (teks) hadith dapat dilihat dalam beberapa perkataan mereka yang dinukilkan dalam kitab-kitab ulum al-hadith. Antaranya, al-Syafi‘i rhm menyatakan : “Hadith Rasulullah SAW adalah ucapan berbahasa Arab. Sebahagian daripadanya berlafaz umum berasal daripada Rasulullah SAW sepertimana yang telah aku jelaskan tentang (lafaz-lafaz) al-Quran. Ada yang dikeluarkan dalam bentuk umum dan maknanya juga bersifat umum, terdapat juga (sebahagiannya) dikeluarkan dalam bentuk umum tetapi maknanya bersifat khusus” (Al-Shafi‘ī, 2016). Berdasarkan ucapan oleh tokoh pembela sunnah dan imam kepada sebahagian besar umat Islam ini, maka dapat difahami bahawa hadith tidak semudahnya ditafsir atau dihuraikan oleh sesiapa sahaja melainkan mereka menguasai ilmu tentang bahasa Arab dan kemampuan-kemampuan yang lain. Lantaran itu, jalan terbaik dalam memahami dan menerangkan maksud sesuatu hadith adalah merujuk kepada syarah oleh para ulama dalam kalangan muhaddithin yang muktabar. Hal ini seperti yang diungkapkan oleh Ahmad bin Hanbal rhm, iaitu : “Walaupun seseorang itu memiliki kitab-kitab yang mengandungi hadith-hadith Nabi SAW serta pendapat para sahabat dan tabiin, dia tidak boleh mengamalkan apa yang dia kehendaki atau memilih-milih (salah satu pendapat), lalu memutuskan untuk beramal dengannya sehingga dia bertanya terlebih dahulu kepada ahli ilmu tentang apa yang perlu dipilih (diambil daripada pandangan para ulama dalam kitab-kitab tersebut) supaya dia beramal dengan perkara yang benar” (Ibn Qayyim, 2002).

Selanjutnya, aspek ketiga yang merupakan nilai tambah kepada kehebatan generasi salaf dalam berinteraksi dengan hadith ialah al-‘amal bi al-hadith (beramal dengan hadith). Pendekatan golongan salaf al-salih terhadap sesuatu hadith yang dipelajari dan ingin disebarkan adalah memfokuskan pada aspek pengamalan berbanding periwayatan. Mereka lebih mengutamakan tuntutan beramal dengan sesuatu perintah atau larangan dalam hadis sebelum menyampaikannya kepada orang lain. Perkara ini bertepatan dengan tujuan kepada menuntut ilmu, iaitu melahirkan perasaan takutkan Allah SWT agar setiap tindakan yang dilakukan sentiasa terpimpin ke arah kebaikan. ‘Abdullah bin Mas‘ūd RA menyebut :

ليس العلم بكثرة الرواية ، إنما العلم خشية الله

“Ilmu itu bukanlah dengan banyak meriwayatkan (hadith-hadith), sesungguhnya (tujuan) ilmu itu adalah takut akan Allah”. (Ahmad, 1999).

Panduan bagi pendekatan salaf ini sebenarnya diambil daripada pendekatan yang diajar oleh Rasulullah SAW ketika ditanya oleh seorang sahabat tentang waktu kiamat. Dalam hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari rhm, Anas bin Malik RA menceritakan :

أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَتَى السَّاعَةُ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: مَا أَعَدَدْتُ لَهَا؟ قَالَ: مَا أَعَدَدْتُ لَهَا مِنْ كَثِيرٍ صَلَاةٍ وَلَا صَوْمٍ وَلَا صَدَقَةٍ، وَلَكِنِّي أُحِبُّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ، قَالَ: أَنْتَ مَعَ مَنْ أُحِبِّبْتَ

“Seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah SAW : Bilakah akan terjadi kiamat, wahai Rasulullah? Baginda SAW menjawab dengan berkata : "Apa yang telah kamu sediakan untuk menghadapinya? Jawab lelaki tersebut : Tidaklah aku mempersiapkan untuknya (kiamat) dengan memperbanyakkan solat, puasa, dan sedekah, melainkan diriku sangat mencintai Allah dan Rasul-Nya. Sabda baginda SAW : “Kamu akan bersama-sama dengan sesiapa yang kamu cintai (sayangi)”. (Al-Bukhari, 1993).

Dalam hadith ini, secara jelas Rasulullah SAW mengubah cara fikir sebahagian sahabatnya daripada berfikir tentang sesuatu tidak bermanfaat, iaitu mengetahui tarikh berlakunya kiamat kepada berfikir tentang sesuatu yang memberi manfaat, iaitu beramal bagi menghadapi kiamat (Adnan, 2005). Selain itu, cara ini mengubah daripada menyibukkan diri untuk kepada sikap aktif dalam melaksanakan amalan sebagai persediaan menghadapi kiamat. Daripada soalan baginda SAW juga dapat difahami bahawa fokus utama yang perlu difikirkan oleh seseorang ialah amalan diri sendiri. Pendekatan Rasulullah SAW sangat bijaksana, iaitu menekankan aspek persediaan menghadapi kiamat berbanding keinginan untuk mengetahui waktu berlakunya kiamat (Al-Urami, 2009). Justeru, menekuni pendekatan salaf pastinya menimbulkan kesedaran bahawa sesuatu hadith tidak sekadar dibaca, dihafaz dan disebarkan. Tuntutan yang lebih utama adalah mengambil pengajaran daripada matan (teks) hadith dan mengamalkannya dalam kehidupan sehari-harian.

Integrasi antara Pendekatan Salaf dan Pengajaran Digital

Selanjutnya, kajian ini berpandangan bahawa pedagogi digital yang diperkenalkan untuk menarik minat golongan remaja terhadap pembelajaran ilmu hadith boleh diintegrasikan dengan pendekatan salaf khususnya dalam ketiga-tiga aspek yang dibincangkan sebelum ini. Salah satu contoh memanfaatkan pedagogi digital bagi menarik minat golongan remaja adalah memperkenalkan konsep permainan (gamifikasi) yang berorientasikan maklumat berkaitan ilmu hadith. Dalam konteks pengajaran hadith, integrasi gamifikasi membuka ruang inovasi dalam kaedah pentaksiran dan penghayatan ilmu hadith. Sebagai contoh, penggunaan kuiz interaktif berasaskan hadith, cabaran pentafsiran matan, serta aktiviti seperti “Teka Hadith Harian” dapat merangsang penglibatan pelajar secara berterusan di samping menggalakkan internalisasi nilai-nilai kenabian dalam kehidupan seharian. Guru-guru boleh mewujudkan permainan kuiz yang mengikut aras dari rendah, sederhana dan tinggi. Contoh soalan aras mudah yang boleh dikemukakan misalnya “Siapakah penyusun kitab Hadith 40 yang terkenal? atau sebutkan dua kitab hadith yang disepakati kesahihannya”, manakala contoh soalan yang agak tinggi pula “Apakah syarat bagi hadith sahih?”. Bagi mencapai tujuan al-tathabbut (pengesahan terhadap hadith), bentuk-bentuk soalan perlu disusun sesuai dengan objektif memastikan masyarakat cakna terhadap kedudukan (status) hadith sebelum disebarkan. Melalui soalan-soalan yang dirangka dalam bentuk gamifikasi (permainan interaktif), secara tidak langsung meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan menyemak status hadith di samping dapat menambah pengetahuan para pelajar serta mempromosikan istilah-istilah penting dalam ilmu hadith. Selain itu, pendekatan ini bukan sahaja menyokong pemahaman tekstual terhadap hadith, malah turut memperkukuh dimensi afektif dan amali selaras dengan tradisi pendidikan dalam Islam yang menekankan kesepaduan antara ilmu dan adab. Sejumlah kajian empirikal turut membuktikan bahawa gamifikasi berupaya meningkatkan motivasi dalaman dan tahap keterlibatan pelajar secara signifikan dalam pelbagai konteks pendidikan (Furdu et al., 2017; Cahyani, 2016; Faironsnita & Kamarul Shukri, 2015; Figueroa-Flores, 2015; Godwin-Jones, 2014; Hamari et al., 2014; Herzig et al., 2013; Tanni & Amin Mahmoud, 2012; Lee & Hammer, 2011). Justeru, kajian mengharapkan agar usaha pengintegrasian ini dapat dilaksanakan secara komprehensif dan

melibatkan lebih ramai pelajar sama ada pada peringkat sekolah atau institut pengajian tinggi.

Dalam aspek fahm al-nuṣūṣ, pendekatan integrasi antara pedagogi digital dengan pendekatan salaf dapat dilaksanakan melalui kempen betulkan salah faham hadith. Antara medium yang boleh digunakan ialah saluran youtube, podcast, Instagram dan sebagainya. Tokoh-tokoh dalam bidang hadith dijemput untuk menjelaskan isu salah faham hadith dan mencipta kandungan khusus jika terdapat isu-isu berbangkit yang berkaitan dengan kesilapan dalam memahami sesuatu hadith oleh pencipta kandungan di media sosial atau pempengaruh. Program penerangan khas tentang salah faham syarah hadith juga boleh difokuskan siarannya melalui saluran podcast khusus untuk para pelajar di sekolah atau IPT, dengan persembahan media digital yang menarik. Usaha-usaha seumpama ini walaupun telah wujud dalam media sosial pada hari ini, namun capaian dan sambutan masih terhad dan hanya diikuti oleh golongan tertentu. Justeru, penumpuan khusus wajar diberikan kepada para pelajar di sekolah melalui penyusunan program yang terancang dan bersepadu. Pihak kerajaan wajar mengambil inisiatif untuk melatih para guru dengan kemahiran pedagogi digital terkini, di samping penekanan terhadap aspek adab penggunaan media sosial serta undang-undang yang berkaitan (Tahir Rohili, 2025). Diharap melalui penggunaan teknologi yang lebih interaktif dan efektif dapat menarik masyarakat, khususnya golongan remaja, untuk meminati ilmu hadith.

Seterusnya, aspek al-‘amal bi al-hadith boleh diintegrasikan dengan pedagogi digital melalui aktiviti berbentuk penjadualan amalan harian secara tetap. Amalan-amalan sunnah yang dianjurkan dalam hadith-hadith Rasulullah SAW akan dijadualkan dalam bentuk perisian aplikasi mudah alih. Pengguna telefon bimbit boleh mengisi amalan harian mereka selepas memuat turun aplikasi tersebut. Kaedah ini lebih praktikal untuk muhasabah diri terhadap pengamalan sunnah-sunnah Rasulullah SAW dalam kehidupan seharian. Dalam konteks penghayatan hadith, fokus daripada pembelajaran atau periwayatan hadith adalah mempraktikkan setiap pengajaran yang diperolehi dalam membentuk adab dan akhlak seseorang pelajar. Hal ini dapat dilihat melalui petunjuk hadis yang masyhur, iaitu kisah kedatangan Jibril AS untuk menemui Rasulullah SAW dan bertanya tentang Islam, iman dan ihsan. Dalam hadith yang diriwayatkan oleh Muslim rhm, ‘Umar bin al-Khattab RA menceritakan

perihal Jibril AS yang datang menyerupai seorang lelaki yang berpakaian bersih dan berpenampilan kemas. Cara berjalan dan cara duduk menghadap Rasulullah SAW juga menggambarkan kesopanan seorang penuntut ilmu (Muslim, 1955). Mengambil pengajaran daripada hadith ini, para ulama dalam kalangan salaf al-salih sangat menitikberatkan adab sebagai asas untuk menuntut ilmu. Oleh itu, terdapat beberapa pesanan dari salaf yang menyebutkan keutamaan beradab sebelum menuntut ilmu. Antaranya ungkapan Abd Allah Ibn al-Mubarak yang menyatakan:

طلبت الأدب ثلاثين سنة، وطلبت العلم عشرين سنة، وكانوا يطلبون الأدب ثم العلم

“Aku mempelajari adab selama tiga puluh tahun dan mempelajari ilmu selama dua puluh tahun. Golongan salaf terdahulu mempelajari adab sebelum ilmu.” (Al-Zahrānī, 1991).

Sufyan al-Thawri rhm pula dilaporkan pernah menceritakan tentang pendekatan generasi salaf dalam mendidik anak-anak mereka mengenai adab dengan katanya :

كانوا لا يخرجون أبناءهم لطلب العلم حتى يتأدبوا ويتعبدوا عشرين سنة

“Mereka tidak akan menghantar anak-anak mereka untuk menuntut ilmu sehingga mereka dididik dengan adab dan ibadah selama dua puluh tahun.” (Al-Zahrānī, 2001).

Ungkapan-ungkapan ini menunjukkan bahawa generasi salaf memberi penekanan yang besar terhadap pembentukan adab dan penghayatan ibadah sebelum proses pencarian ilmu dimulakan. Hal ini juga membuktikan bahawa aspek amalan diutamakan berbanding periwayatan atau pengumpulan ilmu semata-mata. Ia menunjukkan bahawa generasi salaf meletakkan adab sebagai prasyarat utama dalam proses menuntut ilmu.

Selain itu, aspek-aspek pendekatan salaf lainnya, seperti al-i‘tidāl dan tazkiyah al-nafs, juga dapat diterjemahkan ke dalam pedagogi digital. Secara rangkumannya, penulis menyediakan jadual yang khusus bagi menjelaskan integrasi pendekatan salaf dengan pengajaran digital seperti berikut :

Integrasi Elemen Manhaj Salaf dalam Aplikasi Digital Berasaskan Gamifikasi bagi Pengajaran Hadith

Elemen Manhaj Salaf	Definisi Konseptual	Aplikasi Digital Berasaskan Gamifikasi	Strategi Pedagogi	Hasil Pembelajaran
<i>Tathabbut</i>	Penelitian dan verifikasi terhadap kesahihan maklumat sebelum penerimaan atau penyebaran	Kuiz interaktif berasaskan sanad dan matan, sistem semakan fakta digital	Pembelajaran berasaskan inkuiri melalui pengesahan sumber dan perbandingan riwayat	Peningkatan literasi hadith dan kemahiran penilaian kritis
<i>Fahm al-Nuṣūṣ</i>	Kefahaman yang tepat dan menyeluruh berdasarkan syarah ulama muktabar	Video interaktif, animasi syarah, modul e-pembelajaran berstruktur	Pembelajaran berasaskan analisis kandungan dan perbincangan berpandu	Pembentukan kefahaman hadith yang sahih, kontekstual dan mendalam
Amal	Pengamalan ilmu secara konsisten dalam kehidupan seharian	Aktiviti Hadith Harian, tugas reflektif berasaskan gamifikasi	Pembelajaran berasaskan pengalaman dan refleksi sendiri	Penghayatan dan internalisasi nilai-nilai kenabian
<i>I'tidāl</i>	Pendekatan sederhana dan seimbang dalam memahami serta mengamalkan hadith	Sistem moderasi kandungan, simulasi kes, permainan berasaskan senario	Pembelajaran berasaskan penyelesaian masalah	Pencegahan salah faham serta kecenderungan kepada ekstremisme
Tazkiyah	Penyucian jiwa dan pembinaan spiritual	Jurnal refleksi digital, aplikasi	Pembelajaran reflektif dan pembangunan afektif	Pembangunan rohani, pembinaan akhlak dan

	berasaskan pengajaran hadith	tadabbur, sistem ganjaran amalan		kesedaran kendiri
--	------------------------------------	---	--	----------------------

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa aspek-aspek utama yang digariskan oleh manhaj salaf boleh dijadikan asas dalam membentuk pendekatan pengajaran hadith pada masa kini. Gabungan antara pedagogi digital dengan manhaj salaf al-ṣāliḥ wajar diangkat sebagai modul pengajaran hadith baharu yang lebih menyeluruh. Antara prinsip penting dalam pendekatan salaf terhadap pengajaran hadith ialah penekanan terhadap al-tathabbut, fahm al-nuṣūṣ, dan al-‘amal bi al-hadith. Ketiga-tiga prinsip ini menjadi teras yang menjadikan generasi salaf sebagai golongan terbaik dalam memelihara dan mengamalkan hadith Rasulullah SAW. Selain itu, integrasi pedagogi digital berteraskan manhaj salaf berpotensi menghasilkan kaedah pembelajaran hadith yang autentik, interaktif dan relevan dengan keperluan generasi muda. Pendekatan ini bukan sahaja mengekalkan tradisi talaqqi dan disiplin ilmu hadith yang muktabar, malah mampu menarik minat remaja untuk mendekati pengajian hadith secara lebih kreatif, mudah diakses dan berorientasikan penghayatan. Justeru, usaha menggabungkan tradisi keilmuan salaf dengan teknologi digital harus dilihat sebagai langkah strategik dalam memperkukuh kesinambungan pengajian hadith di era kontemporari.

Kajian ini turut membuktikan keperluan wujudnya integrasi elemen manhaj salaf dalam pendekatan pedagogi digital, khususnya gamifikasi, bagi membentuk satu kerangka pedagogi yang holistik dalam pengajaran hadith. Elemen-elemen asas dalam pendekatan salaf seperti al-tathabbut, fahm al-nuṣūṣ, al-‘amal wa al-taṭbiq, al-i‘tidāl, dan tazkiyah al-nafs bukan sahaja dapat dipelihara, malah diperkukuhkan melalui aplikasi digital yang interaktif dan berstruktur. Pendekatan gamifikasi dalam konteks ini tidak sekadar berfungsi sebagai alat untuk meningkatkan motivasi dan keterlibatan pelajar, tetapi turut berperanan sebagai medium transformasi yang menghubungkan dimensi kognitif, afektif dan spiritual dalam pembelajaran hadith.

Secara lebih signifikan, integrasi ini menunjukkan bahawa teknologi pendidikan moden mampu diselaraskan dengan tradisi keilmuan Islam tanpa mengorbankan nilai-nilai asasnya. Melalui reka bentuk pedagogi yang berasaskan objektif serta berpandukan prinsip manhaj salaf, pedagogi digital berupaya menjaga kemuliaan hadith sebagai sumber rujukan yang berautoriti, membantu pembentukan kefahaman hadith yang sahih dan menggalakkan pengamalan nilai-nilai murni daripada sunnah yang membina keseimbangan pemikiran dan keperibadian pelajar. Justeru, pendekatan integrasi ini menawarkan satu model inovatif yang relevan dalam menghadapi cabaran pendidikan hadith dalam era digital, di samping memastikan kesinambungan tradisi adab dan keilmuan Islam dalam bentuk yang lebih kontekstual dan berdaya saing.

Rujukan

- Abdul Jamil, K., Abd Aziz, A. N. & Syed Hassan, S. N. (2024). Penyebaran hadis palsu di media sosial: punca dan akibat. E-Prosiding Seminar Kearifan Nusantara Kali Ke-5 (2024). 104-128.
- Abu Ghuddah, A. F. (1992). *Al-Isnad min al-din wa safhah musyrifah min tarikh sama' al-hadith inda al-muhaddithin*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Al-'Alawī, M. A. A. (2009). *Al-Kawkib al-wahhāj wa al-rawḍ al-bahhāj fī sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj*. Mekah: Dar al-Minhaj.
- Al-Bukhari, M. I. (1993). *Sahih al-Bukhari*. (Al-Bugha, M. D, Ed.). Damsyik: Dar Ibn Kathir.
- Al-Ghawri, S. A. M. (2012). *Al-Muyassar fī 'ilm al-rijal*. Selangor: Dar al-Syakir.
- Al-Ghawri, S. A. M. (2014). *Pengenalan ilmu al-jarh wa al-ta'dil*. Selangor: Dar Syakir.
- Al-Khatib, M. A. (1989). *Usul al-hadith 'ulumuhu wa mustalahuhu*. Beirut: Dar al-Fikr.

- Al-Maqrizi, A. A. (1999). *Imtā' al-asmā' bima li al-nabiy min al-aḥwāl wa al-amwāl wa al-hafḍah wa al-matā'*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah.
- Al-Qudāh, S. M. M. (2016). *Kharitah al-mustaqbal fi al-hadith al-nabawi*. (Kronologi Kiamat, Trans.). Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Al-Shāfi‘ī, M. I. (2016). *Al-risālah*. Kaherah: Dar al-Athār.
- Al-Tahhan. M. (1996). *Taisir mustalah al-hadith*. Riyadh: Maktabah al-Ma‘arif fi al- Nashr wa al-Tauzi‘.
- Al-Zahrāwī, M. M. (1991). *Min a‘lām ahl al-sunnah wa al-jamā‘ah: ‘Abd Allah bin al-Mubārak. Tā‘if: Maktabah al-Ṣadīq*.
- Al-Zahrāwī, M. M. (2001). *Min hady al-salaf fi talab al-‘ilm*. Riyadh: Dār Tayyibah.
- Deraman, F. (2004). Ibn al-Salah dan sumbangannya dalam pengajian hadith. *Al-Bayan Journal of Al-Quran & Al-Hadith*, 2: 91-110.
- Dzakiy, A. F., Ustadiyah, A. D & Hakim, M. L. (2022). Hadis palsu, pemalsuan dan pencegahan di era digital. *Al-Bayan: Journal of Hadith Studies*, 1(2), 1-13.
- Fadzilla, N. S. M., Salee, S., Azhar, M. I & Saidin. M. (2023). Kajian kesahihan hadith dalam aplikasi TikTok. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari*. 6 (11), 158-168.
- Ibn Hanbal. A. M. (1999). *Al-zuhd*. Beirut. Dar al-Kutub al-‘Ilmiah.
- Ibn Qayyim, M. A. B. (1993). *I‘lām al-muwaqqi‘īn ‘an Rabb al-‘Ālamīn*. Arab Saudi: Dar Ibn al-Jawzi li al-Nashr wa al-Tawzi‘.
- Malik, A. M. (2004). *Al-muwattā’*. Abu Dhabi: Mu’assasah Zayd bin Sultan Āli Nahyān li al-A‘māl al-Khairiah wa al-Insāniah.
- Mohamed, S. N., Mohamed, S. N. & Yusoff, S. (2025). Peranan pempengaruh digital di Tiktok dalam penyebaran al-Qur'an dan

hadis: satu tinjauan naratif. *RABBANICA: Journal of Revealed Knowledge*, 6 (1), 193-209

Mohd Senin, M. S. (2020). Hadith palsu di Malaysia: tinjauan perkembangan dan keberadaannya di dalam kitab-kitab jawi silam dan buku-buku agama terpilih. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 6 (1), 141-164.

Muhammad Noor. U. (2017). *Fiqh hadis: memahami hadis tidak semudah sahih itu sunnah dan daif itu bidaah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Muslim, H. M. (1955). *Sahih Muslim*. (Al-Baqi, M. F.A. Ed.). Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Naismith, L., Lonsdale, P., Vavoula, G. & Sharples, M. (2004). Literature review in mobile technologies and learning. *Futurelab Series: Report 11*. Retrieved Dec 31, 2016, from <https://www.nfer.ac.uk/publications/FUTL15/FUTL15.pdf>

Nasir, M. K. M., Zaman, A. R. K., Azid, M. A. A. & Hussain, A. A. (2021). Trend kajian hadis berasaskan teknologi maklumat dan digital: suatu sorotan literatur. *Journal Hadis*, 11(22), 770-779.

Nurulhayati, E. L., Mahawi, G., S. J. & Kurahman, O. T., (2025). Konsep Tazkiyah al-Nafs dalam pendidikan Islam dan relevansinya dengan Teori Self-actualization Abraham Maslow, *As-Sulthan Journal of Education (ASJE)*, 2 (2), 70-80.

Rahmah, N. (2020). Dampak media sosial terhadap perilaku siswa dan peran guru dalam pengawasannya. *Jurnal Pendidikan Karakter*, 11(2), 85–95.

Rahman, M. M. A. & Asbullah Z. (2012). Realiti pengajian hadis di IPT Islam: Suatu kajian di IPT Islam di Malaysia. *Jurnal Al-Basirah*, 2, 27-46.

- Rohili, T. (2025). Peran guru sebagai role model digital: strategi penanaman etika dan tanggung jawab digital pada generasi Z. *Jurnal Riset Ilmu Pendidikan Islam*, 2 (4), 149-162.
- Saptu, S., Abdullah, W. N. W., Majid, L. A. & Sakat, A. A. (2015). Relevansi aplikasi sanad dalam pengajian Islam masa kini. *Jurnal Al-Hikmah*, 7 (1), 104-118.
- Shah, F. A. (2023). Hadis peristiwa akhir zaman: Antara takwilan dengan imaginasi. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sudi, S. Mohd Zin, S. M, Ali Nuar, J. H. & Wazir, R., 2022. Revolusi Industri 4.0 dalam pengajaran hadis di institut pengajian tinggi malaysia. *Journal Hadis*, 13(24), 9-17.
- Suyanto. (2021). Pendidikan karakter di era digital. Jakarta: Prenada Media.
- Tamuri, A. H. & Nor, S. M. 2015. Prinsip pembelajaran aktif dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. *Jurnal Fakulti Pendidikan*, 3 (2), 28-42.
- ‘Ur‘ūr, A. M. A. (2005). Manhaj al-da‘wah fī dau’ al-wāqi‘ al-mu‘āṣir. Saudi.
- Zainul Abidin, M. A. (2005). Selangkah ke arah memahami sunnah. Shah Alam : Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Zawai., N. M. (2016). ‘Ināyah a’immah al-naqd al-hadīthī bi fiqh al-hadīth, *Journal Baseera*, 5 (1), 185-203.